



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**
KENYATAAN MEDIA

**PERAYAAN TAHUN BARU CINA TAHUN 2021 HARUS MEMATUHI
SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 2.0**

Putrajaya, 4 Februari 2021 – Mesyuarat Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah memutuskan bahawa sambutan perayaan Tahun Baru Cina pada 12 dan 13 Februari 2021 hanya boleh diadakan dengan SOP yang lebih ketat seperti di Lampiran 1.

2. Kementerian Perpaduan Negara telah menjalankan beberapa siri perbincangan bersama Badan Persatuan Kebudayaan Cina, Pertubuhan Perniagaan Cina, Pertubuhan Agama yang berkaitan dan pihak berkuasa seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di dalam merangka SOP sambutan Tahun Baru Cina ini.

3. Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique turut menyeru masyarakat Cina di Malaysia untuk menyambut perayaan tahun ini dalam norma baharu dan memanfaatkan teknologi yang ada untuk mengekalkan hubungan keluarga dan sahabat. Beliau juga mengingatkan semua rakyat Malaysia untuk sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan, menjaga kebersihan diri dan pastikan penjarakan fizikal semasa perayaan ini dalam usaha kita memutuskan rantai COVID-19 di Malaysia.

4. SOP ini adalah terpakai di seluruh negara kecuali Negeri Sarawak yang masih dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Kementerian Perpaduan Negara

4 Februari 2021

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (46)

SOP BAGI SAMBUTAN TAHUN BARU CINA TAHUN 2021

- 1. Sambutan perayaan hanya DIBENARKAN di rumah kediaman bersama ahli keluarga dari rumah yang sama sahaja.**
- 2. Aktiviti Majlis Makan Besar Bersama Keluarga (Family Reunion Dinner) juga hanya DIBENARKAN di rumah kediaman bersama ahli keluarga dari rumah yang sama sahaja.**
- 3. Upacara sembahyang adalah TIDAK DIBENARKAN. Semua penganut / masyarakat Cina digalakkan melakukan upacara sembahyang di rumah masing-masing.**
- 4. Aktiviti persembahan dan kebudayaan seperti persembahan tarian singa / tarian naga, perarakan “tanglung”, perarakan “chingay” dan persembahan opera cina atau pertunjukan pentas adalah TIDAK DIBENARKAN.**
- 5. Aktiviti ziarah rumah ke rumah adalah TIDAK DIBENARKAN.**
- 6. Aktiviti rentas daerah dan negeri adalah TIDAK DIBENARKAN.**